

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 23 OGOS 2025
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA : 19
SURAT

Kadar inflasi naik 1.2 peratus pada Julai

Kadar inflasi naik 1.2 peratus pada Julai

Kadar inflasi Malaysia meningkat 1.2 peratus pada Julai 2025, dipacu oleh kadar inflasi kumpulan insurans dan perkhidmatan kewangan yang meningkat kepada 5.5 peratus berbanding 1.5 peratus pada bulan sebelumnya, demikian menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Bagaimanapun, kumpulan makanan dan minuman yang menyumbang 29.8 peratus daripada keseluruhan wajaran Indeks Harga Pengguna (IHP) meningkat lebih perlahan 1.9 peratus bulan lalu berbanding 2.1 peratus pada bulan sebelumnya.

Ini disumbangkan oleh inflasi subkumpulan makanan di luar rumah yang meningkat lebih perlahan 4.3 peratus pada Julai berbanding 4.7 peratus bulan sebelumnya, manakala makanan di

rumah mencatatkan penurunan -0.3 peratus bulan lalu.

Penguncupan inflasi subkumpulan makanan di rumah disumbangkan oleh penurunan kelas perbelanjaan sayur-sayuran, susu, produk tenusu lain dan telur, daging, bijirin dan produk bijirin serta buah-buahan dan kacang.

Namun, beberapa kelas perbelanjaan menunjukkan peningkatan pada Julai 2025 seperti ikan dan makanan laut lain, minyak dan lemak serta gula, manisan dan pencuci mulut.

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin menyatakan bahawa 58.3 peratus atau 334 daripada 573 item merekodkan kenaikan harga.

Namun, katanya daripada jumlah itu, 322 item atau 96.4 peratus mencatatkan peningkatan kurang

atau sama dengan 10 peratus, manakala hanya 12 item merekodkan kenaikan melebihi 10 peratus pada Julai 2025.

"Baki sebanyak 189 item atau 33 peratus menunjukkan penurunan dan 50 item kekal tidak berubah," katanya dalam kenyataan.

Sementara itu, inflasi bagi kumpulan perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain meningkat dengan kadar perlahan sebanyak 1.3 peratus berbanding 1.7 peratus pada bulan sebelumnya.

Peningkatan ini didorong oleh subkumpulan elektrik, gas dan bahan api yang turun kepada -3.4 peratus pada Julai 2025.

Penurunan pada subkumpulan ini adalah didorong oleh pelaksanaan jadual tarif baharu di bawah kerangka Kawal Selia Be-

rasaskan Insentif (IBR) melalui Suruhanjaya Tenaga (ST) bagi tempoh 1 Julai 2025 hingga 31 Disember 2027.

Sementara itu, subkumpulan penyelenggaraan, pembaikan & keselamatan rumah kediaman (4.7 peratus), sewa sebenar untuk kediaman (1.9 peratus) dan bekalan air dan pelbagai perkhidmatan berkaitan dengan rumah kediaman (0.5 peratus) masing-masing meningkat pada kadar yang sama pada Julai 2025 seperti yang dicatatkan pada bulan sebelumnya.

Inflasi kumpulan pengangkutan meningkat pada kadar yang lebih tinggi pada Julai 2025, didorong oleh subkumpulan perkhidmatan pengangkutan awam yang mencatatkan peningkatan 1.5 peratus berbanding 0.3 peratus pada bulan sebelumnya.